

PAMERAN MALAYSIA TECHNOLOGY EXPO 2009

UniMAP telah menghantar penyertaan ke Pameran Malaysia Technology Expo (MTE 2009) yang telah diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur pada 19 - 21 Februari 2009 yang lalu. Ini merupakan penyertaan kali ketiga UniMAP di pameran anjuran Malaysian Association of Research Scientists (MARS). Pameran kali ini telah dirasmikan oleh Y. B. Tuan Haji Fadilah Yusof, Timbalan Menteri, Kementerian Sains Teknologi & Inovasi Malaysia.



Sebanyak 460 produk penyelidikan telah mengambil bahagian pada pameran kali ini dan 20 darinya adalah dari UniMAP iaitu produk-produk penyelidikan yang telah menjalani proses saringan sewaktu Ekspo Penyelidikan UniMAP 2008 yang lalu. Penyelidik UniMAP telah berjaya membawa pulang satu pingat emas, tujuh pingat perak dan sembilan pingat gangsa dari pameran tersebut dimana pingat emas telah dimenangi oleh Mohd Hafiz Fazalul Rahiman dengan produk penyelidikannya



yang bertajuk 'Ultrasonic Tomography Imaging Instrument'. Peratus kemenangan pingat pada tahun ini adalah 85% dimana hanya tiga produk sahaja yang gagal memperoleh sebarang pingat namun ia tetap mengatasi sasaran dan pencapaian tahun lalu. Selain dari itu, UniMAP juga telah berjaya memenangi salah satu trofi bagi kategori Booth Pameran Terbaik iaitu 'Best Booth Design - Bare Space Category'. Dengan pengiktirafan pada pameran kali ini, penyelidik UniMAP masih lagi meneruskan kecemerlangan seperti tahun-tahun lalu dan ia juga membuktikan bahawa UniMAP sentiasa berupaya menghasilkan produk-produk penyelidikan yang bermutu dan mempunyai nilai yang tinggi.

